

PAS kekal pendirian di belakang Dr Mahathir

M/S: 3

BH - 21/11/2019
Kuala Lumpur: PAS mengulangi pendirian terus menyokong kepemimpinan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dalam membawa kemajuan kepada negara.

Presidennya, Datuk Seri Hadi Awang turut memberi jaminan semua 18 Ahli Parlimen dari parti itu akan bersatu hati untuk memberi undi percaya atau menyokong usul undi percaya jika ia dikemukakan di Dewan Rakyat.

Ahli Parlimen Marang itu yang ditemui media di lobi Parlimen semalam, juga memuji kemampuan Dr Mahathir yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) dalam melakukan pelbagai transformasi bagi menyelamatkan negara.

Mengakui beliau silap menilai kemampuan Dr Mahathir apabila sebelum ini mendakwa Perdana Menteri lebih sesuai berkhidmat di Klinik 1Malaysia berbanding menyertai Pilihan Raya Umum Ke-14, Abdul Hadi berkata, pendirian PAS adalah Dr Mahathir kekal sehingga habis penggal.

"Itu pendirian asas kita walaupun masa pilihan raya (umum) lalu, saya pernah sebut beliau tolong jaga Klinik 1Malaysia, tetapi nampaknya beliau makin kemas untuk menyelamatkan negara. Orang lain belum tentu, tetapi dia (Dr Mahathir) sudah tunjukkan bukti positif," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Gabungan Parti Sarawak (GPS) belum membuat keputusan sama ada menyokong atau menolak usul undi percaya kepada Dr Mahathir meneruskan kepemimpinan sehingga tamat penggal jika ia dibentangkan di Dewan Rakyat.

Ketika ditemui *BH* di lobi Parlimen semalam, Ketua Whip GPS, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata ia hanya akan diputuskan jika usul itu dibawa untuk dibentangkan di Dewan Rakyat.

"Untuk Kerajaan Malaysia, kita sokong mana-mana pihak yang membentuk kerajaan sebab kita terikat di bawah Perlembagaan," katanya.